

Penggunaan I.SCaR NILAM untuk Meningkatkan Kadar Perekodan Bacaan Buku dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah (Using I.SCaR NILAM to Increase the Rate of Book Reading Among Malaysian Primary School Pupils)

Teo Woon Chun^{1*}, Chong Kuok Han¹, Phoon Sau Ping¹, Cheong Shu Mi¹,
Nixon Lasa King¹, Kho Yan Yang¹, Ramesh Sathappan²

¹ Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Peay Min, Pengerang, Johor, Malaysia

² Jabatan Perancangan, Penyelidikan dan Inovasi, Institut Pendidikan Guru Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Malaysia

*Pengarang Koresponden: g-13430968@moe-dl.edu.my

Received: 20 December 2023 | Accepted: 10 January 2024 | Published: 1 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.23>

Abstrak: Amalan membaca merupakan salah satu amalan yang mampu memanfaatkan seseorang individu dalam kehidupannya. Walau bagaimanapun, bilangan bacaan buku dalam kalangan murid sekolah rendah adalah amat kurang atas beberapa faktor seperti format buku rekod NILAM yang lama dan kurang minat dalam membaca dan membuat perekodan secara dalam talian. Untuk menangani masalah ini, intervensi I.SCaR NILAM (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*) telah dirancang dan dilaksanakan mengikut model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988). Intervensi I.SCaR NILAM melibatkan empat elemen utama iaitu pengubahsuaian borang perekodan, penyediaan kod QR, perpustakaan maya serta sistem ganjaran. Seramai 8 orang murid yang mempunyai kadar perekodan bacaan buku yang rendah pada sesi akademik yang lepas telah terpilih sebagai peserta dalam kajian ini. Instrumen yang digunakan termasuk analisis data, soal selidik serta temu bual semi berstruktur. Kajian ini berlangsung selama dua bulan. Hasil kajian menunjukkan peningkatan yang ketara dalam perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor, di mana bilangan rekod bacaan mereka telah meningkat antara 54 sehingga 554 buah rekod. Dapatan soal selidik juga menunjukkan bahawa sebahagian besar murid menganggap intervensi I.SCaR NILAM telah memberi kesan positif terhadap tahap minat membaca mereka, dengan 85% menyatakan peningkatan minat dalam membaca selepas mengambil bahagian dalam intervensi ini. Selain itu, hampir semua murid merasakan bahawa elemen-elemen seperti buku rekod NILAM yang baharu dan penggunaan kod QR telah memudahkan proses perekodan bacaan buku mereka. Berdasarkan temu bual yang telah dijalankan, murid-murid telah menyatakan bahawa intervensi I.SCaR NILAM ini mudah diguna dan mereka menjadi lebih berminat untuk membuat perekodan tersebut. Intervensi ini telah memberikan implikasi yang signifikan kepada kumpulan tersasar kerana intervensi ini mampu merangsang minat membaca dan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid serta memberikan panduan untuk mendidik generasi anak yang baik lagi cerdas yang menjadikan amalan membaca sebagai tabiat pada masa depan.

Kata Kunci: intervensi I.SCaR NILAM, amalan membaca, NILAM, sekolah rendah, kajian tindakan

Abstract: *Reading is one of the practices that can benefit individuals in their life. However, the number of book readings among primary school pupils is unsatisfactory due to various factors such as the outdated format of NILAM record books and a lack of interest in reading and online recording. To address this issue, the I.SCaR NILAM (The Intervention of Scan and Record for NILAM) was designed and implemented following the action research model of Kemmis and McTaggart (1988). This intervention involves four main elements: the adaptation of recording form, the provision of QR codes, virtual libraries, and token economy. Eight pupils who had low reading rate in the previous academic year participated in this two-month study. Instruments used are data analysis, questionnaires, and semi-structured interviews. The results showed a significant increase in book recording in the NILAM Johor system with a margin of improvement between 54 and 554. Survey findings also indicated that the majority of the participants considered I.SCaR NILAM intervention to have a positive impact on their level of interest in reading, with 85% stating an increased interest in reading after participating in this intervention. Additionally, almost all pupils felt that elements such as the new NILAM record books and the use of QR codes made the book recording process easier. Based on conducted interviews, pupils expressed that the I.SCaR NILAM was user-friendly and they became more interested in making these recordings. This intervention has significant implications for the targeted group as it stimulates reading interest and book recording among pupils, providing insights to educate a future generation that embraces reading as a habit.*

Keywords: I.SCaR NILAM intervention, reading, NILAM, primary schools, action research


1. Pendahuluan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), amalan membaca melibatkan seseorang individu memerhatikan isi sesuatu yang tertulis atau tercetak dengan teliti dan memahami makna kandungannya. Amalan membaca memainkan peranan yang amat signifikan kepada semua orang terutamanya murid-murid kita kerana Md Akhir et al. (2017) menyatakan bahawa amalan membaca merupakan aspek utama kepada penerokaan ilmu pengetahuan, asas pendidikan dan nadi pembelajaran sendiri serta alat untuk pembelajaran sepanjang hayat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kemahiran membaca merupakan asas penting kepada penjanaan budaya ilmu dan pembinaan tamadun manusia. Dengan membaca, anak murid kita akan mendapat kemahiran karamah insaniah yang secara tidak langsung mampu mengangkat maruah dan harga diri setiap orang anak didik dalam konteks Falsafah Pendidikan Negara untuk menjadi seseorang Anak yang Baik lagi Cerdik (ABC) seperti yang dihasratkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Seiring dengan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 13/1998 iaitu Program Membina Tabiat Membaca, KPM telah melancarkan program Nadi Ilmu Amalan Membaca (NILAM) pada tahun 1998 (KPM, 1998). Program ini merupakan sebuah program galakan membaca yang sistematik dan berterusan sepanjang sesi akademik bagi mencapai objektif melahirkan golongan avid reader iaitu pembaca tegar yang menjadikan tabiat membaca sebagai satu tabiat yang berkekalan dalam diri mereka. Program ini melibatkan semua murid Tahun Satu di sekolah rendah dan pelajar Tingkatan Satu atau Peralihan, sejak dari permulaan hingga penamatan persekolahan. Mereka dikehendaki merekod bilangan bacaan masing-masing dalam buku rekod pembacaan yang disediakan oleh pihak sekolah. Rekod bacaan ini perlu disahkan oleh guru mata pelajaran atau guru-guru lain.

Walau bagaimanapun, amalan membaca ini kurang diberi sambutan oleh rakyat Malaysia. Misalnya, Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Hanif Ghazali berkata bahawa budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia masih rendah dengan hanya memperuntukkan kurang tiga jam seminggu untuk aktiviti membaca, jumlah itu amat menyedihkan jika dibandingkan dengan kecenderungan rakyat India yang memperuntukkan lebih 10 jam seminggu (Hashim, 2022). Hal ini menyumbang kepada perekodan bacaan buku yang amat rendah dalam kalangan murid di sekolah penyelidik.

Melalui tinjauan awal yang telah dilaksanakan di sekolah, terdapat beberapa sebab yang menyumbang kepada perkara tersebut. Salah satunya ialah murid-murid tidak mempunyai buku-buku fiksyen yang secukupnya untuk membuat perekodan bacaan buku dalam sistem. Hal ini demikian kerana status sosioekonomi murid yang berada di tahap B40 serta minat terhadap amalan membaca yang amat rendah. Implikasinya, mereka tidak mengambil aktiviti membaca sebagai sesuatu amalan yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Bukan itu sahaja, pentadbir tidak mempunyai seba murid-murid dari sekolah luar bandar menghadapi masalah mengunci masuk rekod bacaan mereka secara dalam talian. Sebelum ini, guru kelas atau sesiapa yang dilantik oleh pihak pentadbir akan mencatatkan bilangan buku lalu merekodkannya dalam sistem yang disediakan oleh KPM. Maklumat ini dikumpulkan sehinggalah murid tersebut menamatkan persekolahannya sebelum pengiktirafan diberikan. Pada tahun 2021, portal iQ NILAM atau *Index Quality NILAM* telah diperkenalkan oleh KPM sebagai satu inisiatif merekodkan program bacaan NILAM secara digital untuk memastikan semua murid di Malaysia menjalankan amalan membaca pada waktu pandemik COVID-19. Kemudian, Jabatan Pendidikan Negeri Johor memperkenalkan sistem NILAM Johor sebagai pelantar perekodan bacaan buku khas untuk para murid negeri Johor pada tahun 2022 seperti yang ditunjukkan di Rajah 1.



Rajah 1: Paparan Portal Sistem NILAM Johor

Melalui inisiatif ini, murid tidak lagi perlu mengisi rekod bacaan melalui buku NILAM yang biasa digunakan. Sebaliknya, mereka hanya perlu mengisi dan merekodkan bahan bacaan secara atas talian di laman web dengan menggunakan akaun DELIMA yang dibekalkan oleh

pihak sekolah. Guru Perpustakaan dan Media juga dapat merujuk data serta memindahkan maklumat ini dengan mudah dan cepat. Walau bagaimanapun, melalui temu bual yang telah dilaksanakan semasa tinjauan awal, didapati bahawa murid SJKC Peay Min yang berasal dari kawasan luar bandar menghadapi masalah semasa merekodkan bacaan buku mereka kerana buku rekod NILAM yang digunakan oleh murid tidak seiring dengan sistem NILAM Johor.

Terdapat beberapa butiran yang tidak wujud dalam sistem NILAM Johor perlu dilengkapkan oleh murid. Hal ini secara langsungnya telah membebankan murid dan menyebabkan mereka tidak berminat lagi untuk mempraktikkan amalan membaca dalam kehidupan seharian mereka. Jadual 1 menunjukkan perbezaan butiran dalam buku rekod NILAM sedia ada dan sistem NILAM Johor.

Jadual 1: Perbezaan Butiran Buku Rekod NILAM dan Sistem NILAM Johor

Buku Rekod NILAM	Sistem NILAM Johor
Kategori Bahan	Kategori Bahan
Kategori Bahasa	Kategori Bahasa
Judul	Judul
Sinopsis	Sinopsis
Penerbit	Penerbit
Tahun Terbit	Tahun Terbit
Tarikh Baca	Tarikh Baca
Alamat URL	Pengarang
Bilangan	
Kod (Mengikut halaman atau jenis buku)	
Rumusan	
Aktiviti Pengayaan	

Sehubungan dengan itu, para murid menyatakan bahawa mereka berasa buku rekod NILAM yang sedia ada ini amat membebankan dan mereka berasa mencabar ketika mengisi maklumat di dalam sistem NILAM Johor kerana ketidakserasian buku rekod tersebut. Hal ini telah menyebabkan bilangan rekod pembacaan buku murid yang amat rendah dalam kalangan murid disasar seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Bilangan Rekod Bacaan Buku Murid Sebelum Intervensi

Murid	Darjah	Bilangan Rekod Bacaan Buku	Bintang
A	1	2	0
B	1	5	0
C	1	1	0
D	2	57	0
E	3	14	0
F	4	108	0
G	6	168	1
H	6	361	2

Bilangan rekod bacaan buku murid sekolah penyelidik amat membimbangkan kerana amalan membaca adalah penting kepada perkembangan intelektual dan kebolehan komunikasi murid. Apabila bilangan rekod bacaan murid rendah, ini menunjukkan kekurangan akses kepada ilmu pengetahuan, imaginasi, dan pengetahuan am yang kritikal dalam proses pembelajaran. Oleh itu, masalah ini perlu diatasi dengan intervensi yang sesuai bagi memastikan para murid dapat

menjadi murid yang lebih berpengetahuan dan menjadikan amalan membaca sebagai tabiat mereka. Ini akan memberikan manfaat jangka panjang kepada perkembangan murid dan masa depan masyarakat seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (KPM, 2013). Untuk menangani masalah ini, intervensi ‘I.SCaR NILAM’ (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*) telah dijalankan dalam kajian tindakan ini.

2. Fokus Kajian

Tujuan kajian tindakan ini dilaksanakan adalah untuk memupuk tabiat membaca dan meningkatkan kadar pembacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min.

Objektif kajian tindakan ini ialah:

- i. meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min dengan intervensi I.SCaR NILAM (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*).


Persoalan kajian dalam penyelidikan ini pula ialah:

- i. Adakah intervensi I.SCaR NILAM (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*) dapat meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min?

3. Metodologi Kajian

3.1 Model Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tindakan yang menggunakan Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988) seperti yang ditunjukkan di Rajah 2.



Rajah 2: Model Kajian Tindakan Kemmis dan McTaggart (1988)

Berdasarkan Rajah 1, terdapat empat fasa dalam setiap kitaran pelaksanaan kajian dilakukan oleh pengkaji iaitu fasa pemerhatian, fasa refleksi, fasa perancangan dan fasa tindakan (Teo, 2023). Kajian ini ialah kajian tindakan yang mengikuti langkah yang sistematik iaitu: pemerhatian (isu), refleksi, perancangan, tindakan, pemerhatian semula dan refleksi semula.

3.2 Instrumen Kajian

Tempoh masa pelaksanaan kajian tindakan ini dilakukan adalah selama dua bulan iaitu dari Jun hingga Ogos 2023. Seramai 8 orang murid terlibat dalam kajian ini secara langsung. Semua ibu bapa murid pula memainkan peranan sebagai pembimbing kepada anak mereka. Selepas intervensi, data dikumpulkan dengan menggunakan beberapa instrumen iaitu analisis data rekod NILAM, pemerhatian dan temu bual semi struktur.

3.2.1 Data NILAM Johor

Analisis bilangan rekod bacaan buku dengan penggunaan statistik deskriptif seperti julat untuk mengukur perbezaan antara bacaan buku sebelum dan selepas intervensi I.SCaR NILAM. Ini termasuk mengira perbezaan dan kadar peningkatan bilangan bacaan buku yang didapati dalam sistem NILAM Johor. Dengan ini, perubahan secara kuantitatif dapat diukur dan menentukan margin peningkatan yang dicapai melalui intervensi I.SCaR NILAM.

3.2.2 Soal selidik

Soal selidik ini bertujuan untuk mengkaji pandangan murid mengenai persepsi dan keberkesanan pelaksanaan intervensi I.SCaR NILAM yang telah dijalankan. Soal selidik tersebut mengandungi sepuluh item yang menilai dua aspek utama kajian ini iaitu persepsi terhadap komponen intervensi I.SCaR NILAM dan sikap murid terhadap perekodan bacaan buku selepas intervensi. Responden diminta untuk menyatakan tahap setujuan mereka terhadap setiap pernyataan dengan pilihan "Setuju" atau "Tidak Setuju". Soal selidik ini merupakan salah satu alat penting dalam mengumpul data tentang keberkesanan intervensi I.SCaR NILAM daripada sudut pandangan murid. Tegasnya, soal selidik ini dapat membantu dalam menilai keberkesanan intervensi dan membuat penambahbaikan yang diperlukan.

3.2.3 Temu bual semi struktur

Melalui temu bual semi struktur dengan murid-murid dan ibu bapa yang terlibat dalam intervensi I.SCaR NILAM, analisis bertema telah dijalankan untuk mengenal pasti tema-tema utama yang berkaitan dengan pengalaman membaca buku sebelum dan selepas intervensi. Temu bual akan membolehkan kita mendalami persepsi, pandangan, dan pengalaman murid dan pihak terlibat dalam intervensi I.SCaR NILAM.

Dengan menggabungkan kaedah-kaedah tersebut, kita dapat memahami secara holistik impak intervensi I.SCaR NILAM terhadap bilangan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor dan mengukur peningkatan dalam aspek kuantitatif dan kualitatif.

4. Perancangan

Intervensi I.SCaR NILAM (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*) telah dirancang dan dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian ini iaitu untuk meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min. I.SCaR NILAM merupakan sesuatu usaha meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min. Intervensi ini melibatkan penghasilan modul perekodan bacaan buku yang telah ditambahbaik dan diselaraskan dengan sistem NILAM Johor yang diperkenalkan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Johor. Intervensi ini melibatkan beberapa ciri utama sebagai usaha yang bertujuan meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min:

4.1 Borang Perekodan Bacaan NILAM Yang Selaras Dengan Sistem NILAM Johor

Intervensi I.SCaR NILAM melibatkan modifikasi borang perekodan bacaan NILAM yang sedia ada seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Dengan erti kata lain, borang perekodan tersebut telah diubahsuaikan agar lebih sesuai dengan sistem pengisian rekod NILAM terkini yang digunakan di negeri Johor. Dengan usaha pengubahsuaian ini, diyakini bahawa para murid akan berasa proses perekodan dan pelaporan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor telah dipermudahkan.



边佳兰五湾培国民型华文小学
 SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) PEYAYAUAN
 TELUK RAMUNIA, 8400 PENGERANG, JOHORE.

阅读活动报告 BORANG AKTIVITI MEMBACA

读物分类 Klasifikasi Bahan Bacaan

读物种类 Kategori Bahan:

印刷类 Buku
 数码读物 Digital
 纸媒体读物 Buku Fizikal
 非纸媒体读物 Buku Bukan Fizikal

语言种类 Kategori Bahasa:

国文 Bahasa Melayu
 英文 Bahasa Inggeris
 其他 Lain-lain

读物资料 Maklumat Bahan Bacaan

书名 Judul: _____

简介 Sinopsis: 是次 Aktiv 非是次 Tidak Aktiv

作者 Pengarang: _____

出版社 Penerbit: _____

出版年份 Tahun Terbit (例: 2022): _____

阅读日期 Tarikh Baca (DD-MM-YYYY): _____

此阅读活动纪录已被登录在 NILAM Johor 系统。
 Aktiviti membaca ini telah saya rekodkan di dalam sistem NILAM Johor.

Rajah 3: Borang Pererekodan Bacaan NILAM Yang Telah Diadaptasi

4.2 Kod QR Untuk Mengakses Sistem NILAM Johor

Teknologi kod QR (*quick-response code*) telah diintegrasikan ke dalam intervensi tersebut. Nabilah et al. (2022) mendefinisikan kod QR sebagai sejenis kod bar matriks yang direka terutamanya untuk menjadi simbol yang mudah diimbas dan ditafsirkan, terdiri daripada sebilangan kotak hitam dan putih yang disebut sebagai modul dan disusun dalam pola grid seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.



Rajah 4: Kod QR Yang Digunakan Dalam Intervensi I-SCaR NILAM

Kod QR boleh dipindai menggunakan telefon pintar atau peranti lain untuk mengakses maklumat. Dalam konteks ini, terdapat kod QR yang disediakan pada borang pererekodan NILAM. Hal ini telah memudahkan murid dalam proses pererekodan kerana mereka tidak perlu lagi menaip pautan NILAM Johor di omnibox secara manual. Tambahan pula, murid boleh mengimbas kod QR ke perpustakaan maya sekolah supaya dapat membaca buku secara dalam talian pada masa lapang. Secara langsungnya, kewujudan kod QR ini mampu memudahkan pengaksesan sistem NILAM Johor untuk merekodkan bacaan buku dalam kalangan murid.

4.3 Perpustakaan Maya Yang Mengandungi Buku-Buku Cerita Digital

Intervensi ini telah menyediakan akses kepada perpustakaan maya yang mengandungi buku cerita digital. Ini bermaksud bahawa murid-murid boleh mengakses buku-buku cerita dalam bentuk digital melalui platform atau aplikasi khas yang telah dibangunkan secara maya. Ini boleh menjadi cara yang lebih menarik dan mudah untuk membaca buku cerita dan kemudiannya membuat pererekodan bacaan buku di kediaman masing-masing.



Rajah 5: Paparan Utama Perpustakaan Maya

4.4 Sistem Ganjaran Yang Menarik Kepada Murid Yang Mencapai Sasaran

Ciri ini berkaitan dengan insentif atau ganjaran yang diberikan kepada murid yang mencapai atau melebihi sasaran perekodan bacaan buku. Sistem ganjaran ini telah dicipta untuk memberi dorongan kepada murid-murid untuk membaca lebih banyak buku. Kajian Habibah et al. (2023) telah membuktikan bahawa ganjaran yang diberikan bukan sahaja dapat memberi semangat dan motivasi untuk mereka terus membaca bahan berbentuk fizikal, malahan dapat meningkatkan kemahiran membaca serta bertutur dalam kalangan murid. Dengan ini, ganjaran seperti pujian, sijil penghargaan, hadiah fizikal, atau sebarang bentuk pengiktirafan yang dapat memotivasi murid-murid untuk aktif membaca.

Dengan mengintegrasikan ciri-ciri tersebut dalam intervensi I.SCaR NILAM, usaha ini dapat meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid SJKC Peay Min sambil menjadikan proses perekodan dan pemantauan lebih mudah dan menarik. Diyakini bahawa pengintegrasian ciri-ciri tersebut dapat mencapai objektif kajian ini iaitu meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min sebanyak sekurang-kurangnya 50 buah buku selepas intervensi.

4.5 Pelaksanaan Tindakan

Intervensi I.SCaR NILAM telah dijalankan di peringkat sekolah selama dua bulan. Intervensi ini melibatkan dua langkah penting dalam proses pelaksanaan. Pertama sekali, pemerhatian semula akan dilaksanakan setelah melaksanakan tindakan. Ini melibatkan analisis data dari pelaksanaan intervensi untuk mengenalpasti sama ada objektif yang telah ditetapkan telah tercapai atau tidak. Selain itu, refleksi semula akan dijalankan berdasarkan pemerhatian dan data yang diperolehi. Dengan itu, penyelidik akan mengimbas kembali dan merenungkan faktor-faktor yang mungkin telah mempengaruhi hasil yang diperhatikan, membantu mereka untuk memahami sebab-sebab di sebalik perkara-perkara yang telah diperhatikan. Dengan menggabungkan kedua-dua langkah ini, intervensi I.SCaR NILAM dapat ditingkatkan secara berterusan dan memberikan ruang untuk penambahbaikan dalam usaha meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min. Jadual 3 menyenaraikan proses

pelaksanaan dan pelaksanaan intervensi I.SCaR NILAM yang dilaksanakan berasaskan model kajian tindakan Kemmis dan McTaggart (1988).

Jadual 3: Proses Perancangan dan Pelaksanaan Intervensi I.SCaR NILAM

Fasa Perancangan	
Langkah	Aktiviti
Perhati	Menentukan kumpulan sasaran (murid)
	Mengumpul data awal (analisis data, soal selidik, pemerhatian)
Reflek	Menjalankan analisis data awal dan identifikasi masalah
	Menyusun data dalam grafik atau carta
Rancang	Menganalisis faktor yang mungkin mempengaruhi keberkesanan intervensi
	Menetapkan matlamat meningkatkan perekodan
Tindak	Berbincang perancangan dan pelaksanaan intervensi
	Mendapatkan kebenaran ibu bapa untuk menyertai intervensi Melaksanakan intervensi I.SCaR NILAM di sekolah
Fasa Pelaksanaan	
Langkah	Aktiviti
Perhati	Memantau berkala terhadap pelaksanaan intervensi
Reflek	Mengumpul data mengenai perkembangan murid
	Menterjemahkan data dalam bentuk grafik atau carta
Rancang	Menjalankan refleksi tentang perkembangan intervensi
	Menganalisis keberkesanan intervensi
Tindak	Melakukan perubahan atau penambahbaikan jika perlu
	Melanjutkan pelaksanaan intervensi
	Meneruskan pemantauan dan perekodan buku cerita
	Menjalankan majlis penyampaian hadiah (sistem ganjaran)
	Menganalisis data akhir dan menulis laporan

5. Tindakan dan Pemerhatian

5.1 Tindakan-Tindakan yang Dijalankan

Terdapat beberapa tindakan yang telah dijalankan dalam intervensi I-SCaR NILAM ini, antaranya ialah:

- Pembacaan buku di perpustakaan maya sekolah
- Perekodan bacaan buku dalam borang rekod yang dikemaskini
- Perekodan bacaan buku secara dalam talian
- Pemberian ganjaran dan pengiktirafan

5.2 Pemerhatian dan Refleksi Tindakan-Tindakan yang Dijalankan

5.2.1 Aktiviti 1: Pembacaan buku di perpustakaan maya sekolah

Aktiviti ini melibatkan murid mengimbas kod QR yang disediakan untuk mengakses perpustakaan maya sekolah yang menyimpan pelbagai bahan bacaan digital kepada murid. Murid-murid diberi peluang untuk memilih dan membaca buku-buku digital dalam talian.



Rajah 6: Murid Melayari Perpustakaan Maya Sekolah

Pemerhatian:

Aktiviti pembacaan buku di perpustakaan maya sekolah telah menarik minat murid dalam membaca buku digital kerana mereka tidak pernah membaca buku fiksyen digital. Mereka aktif melayari koleksi buku yang termasuk di dalam perpustakaan maya dan memilih buku-buku yang mereka suka. Kebanyakan murid menghabiskan masa yang panjang dalam sesi membaca dengan tumpuan penuh, hal ini telah menunjukkan minat, pelibatan dan tumpuan mereka terhadap aktiviti membaca telah meningkat secara ketara.

Refleksi:

Aktiviti ini mengesahkan bahawa kewujudan perpustakaan maya sekolah telah merangsang minat membaca dalam kalangan murid. Mereka bersedia untuk meneroka perpustakaan maya tersebut. Hal ini telah mengembangkan minat membaca mereka secara langsung.

5.2.2 Aktiviti 2: Perekodan bacaan buku dalam borang rekod yang dikemaskini

Dalam aktiviti ini, murid menggunakan borang rekod yang telah diperbaharui untuk merekodkan bacaan buku seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 7.



Rajah 7: Murid Merekodkan Bacaan Buku Dengan Borang Yang Diperbaharui

Pemerhatian:

Aktiviti perekodan bacaan buku dengan menggunakan borang rekod yang dikemaskini telah memudahkan proses perekodan mereka. Mereka dapat menyiapkan rekod tersebut dalam masa yang singkat dengan bimbingan yang minimum sahaja.

Refleksi:

Pengemaskinian borang perekodan bacaan buku yang sedia ada telah menjadikan proses perekodan murid mudah kerana butiran yang perlu dilengkapkan oleh murid telah dikurangkan. Hal ini telah meningkatkan motivasi mereka untuk meng

5.2.3 Aktiviti 3: Perekodan bacaan buku secara dalam talian

Aktiviti ini melibatkan perekodan bacaan buku dalam talian menggunakan sistem NILAM Johor selepas mengimbas kod QR yang disediakan. Murid-murid log masuk dengan akaun emel DELIMa (*Digital Education Learning Initiative Malaysia*) mereka lalu merekodkan bacaan buku mereka di sistem tersebut.



Rajah 8: Murid Mengakses Sistem NILAM Johor Selepas Mengimbas Kod QR

Pemerhatian:

Murid-murid mendapat mengakses ke laman web NILAM Johor dengan cepat. Mereka memasukkan data bacaan mereka ke dalam sistem secara berkala. Terdapat peningkatan yang ketara dalam ketepatan dan kerapian perekodan dalam kalangan murid. Tambahan pula, murid-murid dapat menyiapkan rekod dengan masa selama lebih kurang 5 minit sahaja.

Refleksi:

Penyediaan kod QR untuk mengakses laman web NILAM Johor telah mempercepatkan masa yang diperuntukkan kerana murid tidak perlu lagi menghafal dan menaip laman web NILAM Johor dalam pelayar web. Selain itu, masa digunakan untuk membuat rekod bacaan adalah sangat singkat kerana borang rekod NILAM yang telah diperbaharui adalah selaras dengan butiran yang perlu diisi dalam sistem dalam talian. Implikasinya, murid tidak mengambil masa yang panjang untuk memindahkan maklumat dari buku rekod ke sistem NILAM Johor.

5.2.4 Aktiviti 4: Penyampaian ganjaran dan pengiktirafan

Aktiviti ini melibatkan dua fasa iaitu pemberian cap bagi setiap rekod bacaan buku yang disiapkan seperti yang ditunjukkan di Rajah 9.



Rajah 9: Guru Menyemak Rekod Bacaan Murid Lalu Memberi Cap Pada Borang Catatan Token

Selepas intervensi, bilangan cap murid-murid telah dikira. Seperti yang diilustrasikan dalam Rajah 10, ganjaran dan pengiktirafan telah diberikan kepada murid-murid yang mencapai sasaran perekodan bacaan buku yang telah ditetapkan.



Rajah 10: Majlis Penyampaian Hadiah Bagi Murid Yang Mencapai Sasaran

Pemerhatian:

Majlis penyampaian hadiah telah memberikan pengiktirafan kepada murid-murid yang mencapai sasaran perekodan bacaan buku. Mereka berasa gembira dan bangga atas pencapaian mereka kerana usaha mereka dihargai. Mereka menyatakan bahawa mereka berhasrat untuk terus membaca dan mencapai lebih banyak rekod pada masa akan datang.

Refleksi:

Pengiktirafan dan ganjaran memainkan peranan yang amat signifikan untuk meningkatkan minat dan motivasi murid bagi meneruskan amalan membaca dalam kehidupan seharian

mereka. Inisiatif ini adalah berkesan untuk merangsang motivasi ekstrinsik murid untuk membuat rekod NILAM yang banyak dalam sistem NILAM Johor.

6. Dapatan Kajian

6.1 Dapatan Data Rekod Bacaan Buku Murid dalam Sistem NILAM Johor

Bilangan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor sebelum dan selepas intervensi telah direkod lalu dianalisis dengan statistik deskriptif, kemudiannya ditabulasi dalam Jadual 4.

Jadual 4: Perbandingan bilangan bacaan buku sebelum dan selepas intervensi I.SCaR NILAM

Murid	Darjah	Sebelum Intervensi		Selepas Intervensi		Perbezaan	
		Bilangan Rekod	Bintang	Bilangan Rekod	Bintang	Bilangan Rekod	Bintang
A	1	2	0	76	0	+74	±0
B	1	5	0	123	0	+118	±0
C	1	1	0	55	0	+54	±0
D	2	57	0	397	2	+340	+2
E	3	14	0	265	1	+251	+1
F	4	108	0	468	3	+360	+3
G	6	168	1	721	5	+553	+4
H	6	361	2	915	5	+554	+3

Jadual 4 telah menonjolkan bahawa intervensi I.SCaR NILAM (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*) telah memberikan hasil yang positif dalam meningkatkan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min, di mana bilangan rekod bacaan buku sebelum intervensi adalah antara 1 hingga 361, manakala selepas intervensi, julatnya adalah antara 55 hingga 915. Dalam konteks ini, terdapat penambahan bacaan buku dalam kalangan murid selepas intervensi sebanyak 54 hingga 554 buah rekod, menunjukkan peningkatan yang ketara dalam perekodan bacaan buku dalam kalangan murid.

Bagi pengiktirafan bintang murid pula, terdapat 5 daripada 8 orang murid (62.5%) telah mendapat peningkatan pengiktirafan bintang sebanyak antara 1 hingga 4 bintang. Bagi tiga murid yang lain pula, mereka tidak mendapat sebarang pengiktirafan bintang selepas intervensi kerana mereka baru melibatkan diri dalam program NILAM pada tahun ini. Walau bagaimanapun, bacaan buku mereka telah meningkat sekurang-kurangnya 50 buah buku. Jadinya, selepas intervensi I.SCaR NILAM, semua murid telah menunjukkan prestasi yang lebih tinggi dalam membaca dan perekodan buku dalam sistem NILAM Johor. Dapatan ini adalah selaras dengan hasil kajian Nurul Hidayah Ismail (2022) di mana pengintegrasian sistem ganjaran sebagai pengukuhan tingkah laku positif mampu meningkatkan motivasi murid dalam membuat perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor.

6.2 Dapatan Soal Selidik

Jadual 5 menunjukkan analisis soal selidik mengenai persepsi dan sikap murid-murid terhadap intervensi I.SCaR NILAM yang telah disertai oleh mereka.

Jadual 5: Analisis data soal selidik

Bil.	Pernyataan	Setuju	Tidak Setuju
Bahagian A: Persepsi terhadap komponen intervensi I.SCaR NILAM			
1.	Saya rasa buku rekod NILAM baharu memudahkan proses perekodan bacaan buku di sistem NILAM Johor.	8 (100%)	0 (0%)
2.	Saya rasa kod QR yang diselitkan mampu memudahkan saya mengakses ke pautan NILAM Johor dan perpustakaan maya sekolah.	8 (100%)	0 (0%)
3.	Saya dapat membaca buku-buku di perpustakaan maya sekolah dengan senang.	8 (100%)	0 (0%)
4.	Ganjaran yang telah saya terima menjadikan saya lebih aktif dalam perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor.	8 (100%)	0 (0%)
5.	Saya rasa perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor senang selepas intervensi I.SCaR NILAM.	8 (100%)	0 (0%)
Bahagian B: Sikap murid terhadap perekodan bacaan buku selepas intervensi			
6.	Saya kerap membaca selepas intervensi I.SCaR NILAM.	6 (75%)	2 (25%)
7.	Saya kerap membuat perekodan bacaan buku di NILAM Johor selepas intervensi I.SCaR NILAM.	7 (87.5%)	1 (12.5%)
8.	Saya suka membuat perekodan bacaan buku selepas intervensi I.SCaR NILAM.	7 (87.5%)	1 (12.5%)
9.	Saya bermotivasi untuk membuat perekodan bacaan buku yang banyak selepas intervensi I.SCaR NILAM.	7 (87.5%)	1 (12.5%)
10.	Secara keseluruhannya, saya berpuas hati dengan intervensi I.SCaR NILAM.	8 (100%)	0 (0%)

Berdasarkan Jadual 5, semua (100%) murid setuju bahawa buku rekod NILAM baharu memudahkan proses perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor. Ini menunjukkan bahawa perubahan buku rekod mendapat sokongan positif daripada murid-murid. Mereka juga setuju bahawa kod QR yang diselitkan memudahkan mereka mengakses ke pautan NILAM Johor dan perpustakaan maya sekolah dengan senang. Ini menunjukkan bahawa penggunaan teknologi kod QR diterima dengan baik. Ini juga adalah tanda positif yang menunjukkan bahawa perpustakaan maya menjadi sumber yang mudah diakses. Di samping itu, semua (100%) murid setuju bahawa ganjaran yang mereka terima menjadikan mereka lebih aktif dalam perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor. Ini menunjukkan bahawa sistem ganjaran telah memberi dorongan positif kepada murid-murid. Tambahan pula, mereka berpendapat bahawa perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor menjadi senang selepas intervensi I.SCaR NILAM. Dengan erti kata lain, intervensi I.SCaR NILAM ini telah berjaya dalam memudahkan proses perekodan.

Dari segi sikap murid terhadap perekodan bacaan buku selepas intervensi I.SCaR NILAM pula, 6 daripada 8 orang murid (75%) mengatakan bahawa mereka kerap dan suka membaca selepas intervensi I.SCaR NILAM. Bukan itu sahaja, seramai 7 daripada 8 orang murid (87.5%) mengatakan bahawa mereka kerap membuat perekodan bacaan buku di NILAM Johor selepas intervensi I.SCaR NILAM. Hal ini menunjukkan bahawa proses ini tidak hanya dianggap sebagai tugas, tetapi juga dinikmati oleh murid-murid. Ini menunjukkan peningkatan dalam kesedaran terhadap perekodan bacaan. Kesannya, mereka bermotivasi untuk membuat perekodan bacaan buku yang banyak selepas intervensi I.SCaR NILAM, menunjukkan bahawa ganjaran dan dorongan berkesan dalam meningkatkan minat membaca. Akhir sekali, semua murid (100%) berpuas hati dengan intervensi I.SCaR NILAM secara keseluruhannya, yang menggambarkan keberkesanan intervensi ini dalam meningkatkan perekodan bacaan buku dan minat membaca murid-murid.

Secara keseluruhannya, data soal selidik menunjukkan bahawa intervensi I.SCaR NILAM telah berjaya meningkatkan minat membaca, perekodan bacaan buku, dan persepsi positif terhadap komponen intervensi dalam kalangan murid SJKC Peay Min.

6.3 Dapatan Temu Bual

Temu bual telah dijalankan selepas pelaksanaan intervensi I.SCaR NILAM dan transkrip telah dihasilkan selepas sesi temu bual telah dijalankan. Analisis bertema telah dijalankan terhadap transkrip tersebut untuk mengeluarkan tema daripada teks atau data. Data tersebut telah dikumpul dengan teliti berdasarkan transkrip untuk mengenal pasti pola yang berulang. Setelah dikenal pasti, tema akan dianalisa dan ditafsirkan secara induktif.

Terdapat beberapa tema telah didapati melalui analisis tersebut. Salah satu tema yang menonjol melalui analisis temu bual adalah kesan intervensi I.SCaR NILAM yang membuatnya "mudah diguna" oleh para murid. Para murid dengan jelas menyatakan bahawa mereka merasakan komponen-komponen intervensi ini telah mempermudah proses membaca dan perekodan bacaan buku seperti yang ditunjukkan di bawah.

"Buku rekod baharu yang disediakan dalam intervensi I.SCaR NILAM memang memudahkan saya dalam merekodkan bacaan buku saya. Buku rekod ini sama dengan sistem NILAM Johor dan senang difahami." – Murid D

"Kod QR itu hebat. Sekarang, saya boleh mengakses banyak bahan bacaan dalam perpustakaan maya sekolah dengan cepat tanpa masalah." – Murid G

"Penggunaan teknologi dalam intervensi ini membuatkan saya rasa seperti saya sedang bermain sambil belajar. Perkara ini menjadikan proses membaca menjadi lebih menyeronokkan." – Murid H

Berdasarkan pernyataan di atas, pengadaptasian buku rekod NILAM dengan perincian yang lebih teratur dan seiring dengan sistem NILAM Johor telah memudahkan mereka dalam membuat perekodan. Selain itu, penggunaan kod QR untuk mengakses sistem NILAM Johor dan perpustakaan maya sekolah telah disambut dengan baik oleh para murid, yang merasa bahawa teknologi ini menjadikan pengalaman membaca lebih efisien dan efektif. Kemudahan akses ini juga memperluaskan akses mereka kepada pelbagai bahan bacaan. Ganjaran yang diterima oleh murid-murid sebagai sebahagian daripada intervensi juga dinilai tinggi, dan mereka merasa bahawa ia telah memotivasikan mereka dengan baik. Dalam keseluruhannya, intervensi I.SCaR NILAM telah berjaya mengoptimalkan proses membaca dan perekodan bacaan buku, menjadikannya lebih mesra pengguna dan menyeronokkan bagi para murid.

Selain daripada tema "mudah diguna", tema penting yang muncul melalui analisis temu bual adalah bagaimana intervensi I.SCaR NILAM telah berjaya "menjadi berminat" dalam membaca buku dalam kalangan murid, di mana murid-murid telah memberikan pernyataan berikut semasa temu bual.

"Sebelum ini, membaca kadang-kadang rasa seperti tugas yang memaksa. Tetapi selepas intervensi I.SCaR NILAM, saya merasa lebih teruja untuk membaca. Saya ingin mencapai lebih banyak bintang!" – Murid B

"Intervensi ini telah mengubah pandangan saya tentang membaca. Sekarang, saya tidak hanya membaca untuk membuat rekod NILAM, tetapi sebab saya betul-betul suka membaca."
– Murid H

"Hadiah yang saya dapat memotivasikan saya untuk membaca lebih banyak lagi. Saya akan berusaha untuk mencapai sasaran nanti." – Murid C

Data yang diperolehi dari temu bual menunjukkan bahawa intervensi I.SCaR NILAM telah mendorong mereka untuk membaca dan membuat lebih rekod bacaan buku dalam sistem NILAM Johor. Misalnya, Murid C telah menyatakan bahawa dia lebih bermotivasi untuk membaca selepas mengambil bahagian dalam intervensi ini. Murid B telah bersetuju pandangan murid C dengan menyatakan bahawa setelah intervensi, membaca bukan lagi tugas yang memaksa, tetapi sesuatu yang dia nikmati. Peningkatan tahap motivasi ini penting kerana mampu menggalakkan pembelajaran yang berterusan dan pertumbuhan intelektual. Intervensi I.SCaR NILAM telah membantu mencipta budaya membaca yang positif dan menggerakkan minat membaca dalam kalangan murid. Melalui penggunaan teknologi, ganjaran, dan kemudahan akses kepada bahan bacaan, intervensi ini telah berhasil menanamkan minat membaca yang kukuh di kalangan para peserta.

Secara keseluruhannya, intervensi ini telah memberikan hasil yang berjaya dalam meningkatkan perekodan bacaan buku dan minat membaca dalam kalangan murid di mana murid-murid telah menonjolkan peningkatan yang amat signifikan dalam bilangan rekod bacaan buku NILAM dan beberapa murid mencapai prestasi bintang yang lebih tinggi berbanding dengan sebelum pelaksanaan intervensi.

7. Kesimpulan

Kajian tindakan ini telah dilaksanakan untuk menilai kesan intervensi I.SCaR NILAM (*The Intervention of Scan and Record for NILAM*) terhadap minat membaca dan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid SJKC Peay Min. Kajian ini berjaya mengenal pasti kesan positif yang signifikan dalam beberapa aspek. Pertama, intervensi ini telah meningkatkan kemahiran membaca dan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid. Terdapat peningkatan bilangan bacaan buku yang direkodkan dalam kalangan murid tersasar. Hal ini menunjukkan keberkesanan intervensi I.SCaR NILAM dalam kalangan murid. Kedua, intervensi ini juga berjaya meningkatkan keberkesanan amalan pembelajaran dengan mengubah minat membaca mereka menjadi sesuatu yang lebih menyeronokkan dan bermakna. Ketiga, walaupun terdapat beberapa kelemahan dalam aktiviti intervensi seperti masalah peranti dan komitmen murid, majoriti murid menganggap intervensi ini mampu meningkatkan tahap minat mereka dalam perekodan bacaan buku dalam sistem NILAM Johor.

Bagi kajian akan datang, beberapa penambahbaikan telah disyorkan. Pertama sekali, kajian lanjutan amat diperlukan untuk mengukur jangkaan jangka panjang kesan intervensi ini terhadap minat membaca dan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid. Ketiga, pengkaji boleh dikaji potensi untuk memperluaskan program ini ke sekolah-sekolah lain.

Kajian tindakan ini memberikan implikasi penting terhadap ilmu baharu dalam bidang pendidikan. Pertama, kajian ini menunjukkan bahawa intervensi yang berfokus pada teknologi, akses kepada sumber-sumber bacaan, dan ganjaran berkesan dapat memberikan kesan positif terhadap minat membaca dan perekodan bacaan buku dalam kalangan murid. Ini memberikan panduan kepada pendidik untuk mengintegrasikan elemen-elemen ini dalam program

pembelajaran mereka. Tambahan pula, intervensi I-SCaR telah menggariskan pentingnya pemahaman terhadap keperluan pelajar dan penggunaan strategi yang sesuai untuk meningkatkan minat mereka dalam membaca. Ketiga, kajian ini juga menunjukkan bagaimana murid mungkin mempunyai potensi yang belum dikesan dan dapat memperoleh hasil yang lebih baik dengan dorongan yang sesuai. Ini mampu merangsang pemikiran dalam pengembangan pendidikan yang lebih holistik yang memberi tumpuan kepada potensi mereka demi melahirkan murid yang baik lagi cerdas seiring dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

Rujukan

- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1988). *The action research planner* (3rd ed.). Deakin University Press.
- Habibah Mohammad@Basiron, Nor Azwahanum Nor Shaid, & Nurul Azlin Othman. (2023). Kelunturan minat membaca bahan bacaan berbentuk fizikal dalam kalangan murid tahap 2 sekolah kebangsaan luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(1), 50-63.
- Hashim, R. (2022). Budaya membaca rakyat Malaysia rendah. *Sinar Harian*. Dipetik daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/199053/berita/nasional/budaya-membaca-rakyat-malaysia-rendah>
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan prasekolah hingga lepas menengah)*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). (1998). *Surat pekeliling ikhtisas bil. 13/1998: Program membina tabiat membaca*. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2041-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-13-tahun-1998-program-membina-tabiat-membaca/file>
- Md Akhir, Z. H., Dali, M. H., & Saidin, K. (2017). Faktor yang mempengaruhi peranan pengetua dalam meningkatkan amalan membaca menerusi program NILAM. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 7(1), 42-58.
- Nabilah Mohd Lazim, Nurazwa Ahmad, Noor Aslinda Abu Seman, & Nor Kamariah Kamaruddin. (2022). Sikap dan niat penggunaan kod QR dalam kalangan pelajar UTHM. *Research in Management of Technology and Business*, 3(2), 156-173.
- Nurul Hidayah Ismail. (2022). Meningkatkan motivasi belajar menggunakan token ekonomi dalam kalangan murid berkeperluan pendidikan khas. *Amalan Terbaik Dalam Pendidikan Khas dan Inklusif (Negeri Melaka)*, 1, 171-179.
- Teo, W. C. (2023). Superman gamlet kit: To improve Chinese ESL learners' understanding of simple present tense. *Jurnal Kajian Tindakan Sekolah Menengah & Rendah Daerah Kota Tinggi*, 3, 106-118.